



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH - Rencana			
TARIKH	:	9/8/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

## Manusia ancaman terbesar kekalkan populasi gajah



Oleh Dr Hasmahzaiti Omar dan Nur Hannan Amelin Azizan bhrencana@bh.com.my

Gajah rompong belalai, peribahasa yang membawa maksud kehilangan kuasa seseorang pemerintah - adalah satu daripada puibahan peribahasa yang menggunakan haiwan sebagai periam-bangannya.

Penggunaan nama haiwan ini menunjukkan kewujudannya yang sudah lama di rantau Nusantara dan pengiktirafan kepentingannya dalam ekosistem sosio-budaya orang Melayu.



Mahasiswa UM

*Elephas maximus* atau panggilan tempatannya 'gajah Asia' adalah spesies haiwan yang turut direkodkan di Malaysia. Spesies ini boleh mencecah hampir tiga meter tinggi dan lebih enam meter panjang.

Habitat mamalia besar ini merangkumi pelbagai persekitaran seperti hutan hujan tropika, padang rumput dan juga paya.

Gajah Asia satu-satunya spesies di bawah genus *Elephas* yang masih wujud di Asia Tenggara, barat India dan sebilangan kecil turut ditemui di utara Nepal, selatan Sumatera dan timur Borneo.

Walaupun haiwan ini terkenal dengan kemegahan kekuatan fizikal, populasinya tidak terlepas daripada diancam bahaya kepupusan. Malah, Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) menyenaraikan *Elephas maximus* sebagai satu spesies terancam dalam rekod senarai merah IUCN.

Menurut pertubuhan Tabung Alam Sedunia (WWF) pula, bilangan gajah Asia yang masih ada di seluruh dunia lebih kurang 40,000 ekor sahaja. Gajah banyak diburu untuk gading, kaki dan ekornya yang mempunyai permintaan sangat tinggi di luar negara.

Kerisauan penurunan bilangan individu gajah membawa kepada pelbagai perbincangan seperti mengapa ia berlaku, pihak mana yang memainkan peranan dan yang paling penting, langkah apakah harus diambil untuk mengatasi masalah gajah memasuki kawasan awam?

Selain menjadi mangsa buruan untuk tujuan komersial, gajah juga diancam kepupusan disebabkan oleh kes kematian yang dilaporkan di tempat awam. Hal ini berpunca konflik antara manusia dan gajah apabila haiwan memasuki kawasan aktiviti manusia.

Faktor utama gajah mencerobohi tempat awam adalah kerana habitat semula jadinya dimusnahkan akibat penebangan hutan dan pembukaan tanah secara berleluasa.

Disebabkan diet gajah merangkumi tumbuh-tumbuhan dan secara idealnya mereka memerlukan lebih kurang 150 kilogram (kg) makanan per individu setiap hari, jumlah tumbuhan yang makin banyak ditebang tidak dapat menampung keperluan pemakanan seharian mereka.

Hal ini, menyebabkan gajah berpindah ke kawasan lain untuk mencari makanan dan tempat tinggal baharu. Malangnya, kawasan baharu yang diterokai selalunya penempatan manusia, seterusnya mencetus konflik antara haiwan dan manusia.

Aktiviti pembangunan tanah untuk tujuan penanaman kelapa sawit dan getah serta tanaman perladangan juga, menyumbang kepada kepupusan populasi gajah.

Hal ini agak rumit untuk dibincangkan kerana industri perladangan seperti ini juga tonggak utama kepada pembangunan ekonomi negara. Kesannya, mamalia ini berdepan kekurangan sumber makanan dan tempat tinggal yang selamat. Antara kes terkini kematian gajah di

tempat awam, adalah pada 19 Mac lalu di Jalan Kota Tinggi-Mersing, Johor, di mana seekor gajah betina berusia lingkungan 20 hingga 30 tahun ditemui mati di tepi jalan.

Sebab kematian dipercayai dirempuh kenderaan yang melalui jalan itu ketika haiwan itu cuba menyeberangi jalan.

Untuk rekod, kejadian gajah mati di tempat awam banyak tertumpu di Kota Tinggi, Johor kerana di sana terletaknya Hutan Simpan Pantai yang menjadi habitat bagi sekumpulan gajah Asia.

Secara semula jadinya, gajah memang akan berkeliaran bagi mencari makanan dan menerokai hutan. Namun, kewujudan jalan raya berdekatan hutan simpan menyebabkan gajah diancam bahaya trafik.

Di Kota Tinggi juga ada sebuah santuari yang menempatkan gajah liar. Ia dibina kerajaan negeri Johor pada awal 2020 dengan tujuan memelihara populasi gajah Asia yang semakin terancam.

Atas usaha murni ini, gajah dapat hidup bebas dalam kawasan berkenaan dan pergerakan mereka juga dapat dikawal rapi daripada memasuki penempatan manusia.

Namun, masih banyak kes gajah keluar berkeliaran daripada kawasan santuari dan memasuki kawasan ladang kelapa sawit, jalan raya serta taman perumahan berdekatan.

Di Tawau, Sabah, terdapat satu kes di mana sekumpulan gajah mencerobohi kawasan tanaman dan ditembak mati bagi mengelakkan tanaman dirosakkan. Malah, di negeri itu sahaja, 40 ekor gajah terkorban dalam jangka masa tiga tahun kebelakangan akibat ditembak mati atau diracuni petani.

Peristiwa gajah mati dilanggar kenderaan atau ditembak mati bukanlah asing lagi. Jika hal ini dibiarkan berterusan, populasi gajah akan terus berkurangan dan sudah pasti kita akan menghadapi satu lagi kepupusan haiwan yang sangat berharga.

Kesimpulannya, pencerobohan gajah ke kawasan awam berbalik kepada tindakan manusia sendiri yang menjalankan aktiviti pembangunan tanpa perancangan rapi.

Gajah hanya menjalani kehidupan di habitat semula jadi mereka yang menjadi anugerah Tuhan. Sementara manusia yang berpandukan keinginan untuk kemodenan hanya melihat hutan sebagai satu peluang yang boleh dieksploitasi.

Namun, objektif penulisan artikel ini bukanlah untuk menuding jari kepada mana-mana pihak, sebaliknya bersama-sama membantu pihak berkuasa menangani isu ini secara serius.

Sebagai rakyat, beberapa langkah boleh kita lakukan, seperti melaporkan sebarang tindakan mencurigakan di kawasan santuari kepada pihak berkuasa.

Dengan ini, kerajaan akan dapat meningkatkan penguatkuasaan undang-undang dan akta yang ditetapkan mengenai isu haiwan liar. Usaha ini juga membantu mengelak orang awam daripada mengambil tindakan sewenang-wenangnya apabila terserempak gajah liar ini.

Selain itu, pemanduan di sekitar kawasan yang mempunyai populasi gajah juga perlu mengikut had kelajuan yang ditetapkan, supaya kes kemalangan haiwan liar di lebuh raya atau di jalan kampung dapat dielakkan.

Janganlah nanti generasi akan datang hanya mengetahui kewujudan mamalia unik hutan kita ini daripada carian internet mengenai peribahasa Melayu yang banyak berkisar mengenainya.



Kerisauan penurunan bilangan individu gajah membawa kepada pelbagai perbincangan seperti mengapa ia berlaku, pihak mana yang memainkan peranan dan yang paling penting, langkah apakah harus diambil untuk mengatasi masalah gajah memasuki kawasan awam?